

11 SEP 2000

Mahathir-Parti

"SAYA AKAN TUMPUKAN LEBIH PERHATIAN KEPADA PARTI" - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau akan memberi tumpuan yang lebih kepada parti daripada urusan kerajaan.

Ini termasuk kemungkinan beliau tidak menyertai acara-acara yang dianjurkan kerajaan, kata Perdana Menteri.

"Sebaliknya, Timbalan Perdana Menteri (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) akan mengambil alih sebagai satu usaha untuk memudahkan proses peralihan kepimpinan negara," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti di sini.

"Saya sendiri akan menumpukan lebih kepada parti daripada kerajaan. Justeru itu, mungkin ada acara-acara kerajaan yang tidak akan disertai oleh saya," katanya.

Dr Mahathir berkata MT membincangkan secara mendalam proses pembaharuan dalam Umno bagi membolehkan keanggotaan dan kepimpinannya disertai oleh generasi lebih muda.

Beliau berkata untuk tujuan itu, satu usaha akan dibuat bagi menerangkan tentang prinsip dan falsafah perjuangan parti tunggal Barisan Nasional itu kepada generasi muda yang boleh menyertai Umno.

"Kita dapati kadang-kadang mereka menghadapi masalah untuk menyertai Umno kerana ada juga pihak-pihak yang menyekat mereka daripada menjadi ahli daripada peringkat cawangan.

"Bagi mereka yang tersekat macam itu, ibu pejabat akan mengambil alih proses penerimaan mereka," katanya.

Beliau juga berkata MT memutuskan bahawa anggota Puteri Umno, yang akan ditubuhkan di bawah Pergerakan Wanita Umno, hendaklah berumur kurang daripada 35 tahun.

Struktur badan itu sedang diteliti oleh Jawatankuasa Pengurusan parti dan dijangka siap sebelum berlangsungnya perhimpunan agung khas Umno November ini.

Dr Mahathir berkata status Puteri Umno, iaitu sama ada ia akan dijadikan sebuah kelab, belum diputuskan.

Beliau juga berkata MT akan menyiasat laporan lebih 700,000 pengundi digugurkan daripada senarai pemilih.

Menjawab satu soalan lain, Dr Mahathir berkata beliau sedia menemui Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina Malaysia (Suqiu) berhubung isu hak keistimewaan Melayu.

Perdana Menteri turut ditanya sama ada laporan pembayaran wang tebusan kepada kumpulan penjenayah Abu Sayyaf akan menggalakkan lagi kejadian culik melibatkan rakyat Malaysia.

Dr Mahathir berkata: "Kita tidak bayar sebarang wang tebusan tetapi jika pihak lain membayarnya, saya tak tahulah. Tetapi kerajaan ini tidak membayar wang tebusan.

"Tapi kita tentulah berasa senang hati kalau orang kita yang diculik itu dibebaskan," katanya.

Empat lelaki bersenjata menceroboh sebuah resort di perairan Semporna, Sabah dan menculik tiga rakyat Malaysia malam tadi.

Kejadian itu adalah yang kedua di perairan Sabah dalam masa lima bulan selepas 21 orang -- sembilan rakyat Malaysia dan 12 rakyat asing -- diculik daripada resort menyelam di Pulau Sipadan pada 23 April.

Kecuali seorang, rakyat Filipina, mangsa lain sudah dibebaskan dari tempat persembunyian penculik di Pulau Jolo, di selatan Filipina.

-- BERNAMA

MAM NZ MAI